

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN PDTK/T/PD/600-4/6/1/2019-74

Dalam Perkara mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965

PUBLIC BANK BERHAD (No. Syarikat: 6463-H) ANTARA
DAN PIHAK PEMEGANG GADAIAN

1. ARULMOLI A/P S. ARUMUGAM (NO. K/P : 760519-10-5696)

2. NAVUKARASAN A/L ARUMUGAM (NO. K/P : 820923-10-5841) PIHAK-PIHAK PENGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Klang yang telah diperbuat dalam perkara tersebut di atas pada 20hb Ogos 2019, dengan ini adalah diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Klang, dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA 17HB JANUARI 2020 BERSAMAAN HARI JUMAAT, JAM 10.00 PAGI
DI BILIK AUDITORIUM, TINGKAT 2, PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG
JALAN KOTA, 41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

NOTA : Bakal-bakal pembeli dinasihatkan agar membuat carian hakmilik serta carian rasmi di Pejabat Tanah dan pihak berkuasa yang lain dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

PERIHAL HARTANAH :-

NO. HAKMILIK	:	GM 15241
NO. LOT	:	LOT 45017
TEMPAT	:	Batu 5 ½, Jalan Sungai Binjai
MUKIM / DAERAH / NEGERI	:	Kapar / Klang / Selangor Darul Ehsan
PEGANGAN	:	Selama-lamanya
KATEGORI GUNA TANAH	:	Bangunan
CUKAI TAHUNAN	:	RM50.00
KELUASAN TANAH	:	110.0 meter persegi
PEMILIK BERDAFTAR	:	1. Aruimoli A/P S. Arumugam – ½ bahagian 2. Navukarasan A/L Arumugam – ½ bahagian
SYARAT-SYARAT NYATA	:	Bangunan Kediaman
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tiada.
BEBANAN	:	Dicagarkan kepada Public Bank Berhad melalui No. Perserahan 5321/2005 daftarkan pada 14/07/2005.

LOKASI DAN KETERANGAN HARTA :-

Harta ini merupakan rumah teres dua tingkat lot tepi yang beralamat No. 23, Jalan Sesenduk 3, Di Jalan Teratai, Taman Meru Utama 5, 40150 Klang, Selangor Darul Ehsan. Ianya terletak kira-kira 8.9 kilometer daripada Pekan Klang.

HARGA RIZAB :-

Harta ini akan dijual dalam keadaan "sepertimana sedia ada" tertakluk kepada harga rizab sebanyak **RM240,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja)**. Harta tersebut akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang boleh diperolehi daripada Pelelong yang tersebut di bawah. Kesemua penawar dikehendaki mendepositkan kepada dan atas nama **PUBLIC BANK BERHAD** 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draft sebelum jam 9.30 pagi lelongan dimulakan dan baki harga pembelian mestilah dibayar dalam masa (120) seratus dua puluh hari daripada tarikh jualan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan **Pentadbir Tanah Klang** atau kepada **Tetuan Abraham Ooi & Partners** di No. 106, 8th Floor, Wisma Harwant, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100-Kuala Lumpur. No. Tel : 03-2691-0725 (Ruj : AW/L/21006/16/PBB/KCCC/JTH) atau kepada Pelelong yang tersebut di bawah ini

MAB Services

No. 22, Jalan Pandan Indah 3/7,
Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
No. Tel : 019-2112340, 03-2698 0288
No. Fax: 03-4296 9611

MOHD AZDY BIN BABA
Pelelong Berlesen

PROCLAMATION OF SALE

ORDER OF SALE AT THE INSTANCE OF CHARGE
PDTK/T/PD/600-4/6/1/2019-74

In the Matter of Section 263 of the National Land Code, 1965

BETWEEN

PUBLIC BANK BERHAD (CO REG. NO: 6463-H)..... CHARGE

AND

1. ARULMOLI A/P S. ARUMUGAM (NRIC : 760519-10-5696)

2. NAVUKARASAN A/L ARUMUGAM (NRIC : 820923-10-5841)

CHARGOR

In pursuance of the Order of the Pentadbir Tanah Klang, made herein the above matter on 20th August 2019, it is hereby proclaimed that the Pentadbir Tanah Klang with the assistance of the undermentioned Auctioneer

WILL SELL BY PUBLIC AUCTION

ON FRIDAY THE 17TH DAY OF JANUARY 2020, AT 10.00 A.M
AT THE AUDITORIUM, LEVEL 2, PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG
JALAN KOTA, 41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

NOTE: Prospective bidders are advised to make an official title search at the relevant Land Office and other relevant authorities and to inspect the property before the public auction.

THE PROPERTY DETAILS OF WHICH ARE AS FOLLOWS:-

PARTICULARS OF TITLE :-

TITLE NO.	:	GM 15241
LOT NO.	:	LOT 45017
LOCALITY	:	Batu 5 ½, Jalan Sungai Binjai
MUKIM / DISTRICT / STATE	:	Kapar / Klang / Selangor Darul Ehsan
TENURE	:	Freehold
CATEGORY LAND USE	:	Building
ANNUAL RENT	:	RM50.00
LAND AREA	:	110.0 sq. metres
REGISTERED OWNER	:	1. Arulmoli A/P S. Arumugam – ½ share 2. Navukarasan A/L Arumugam – ½ share
EXPRESS CONDITION	:	Bangunan Kediaman
RESTRICTION-IN-INTEREST	:	Nil.
ENCUMBRANCES	:	Charged to Public Bank Berhad vide Presentation No. 5321/2005 registered 14/07/2005.

LOCATION AND DESCRIPTION OF PROPERTY :-

The property is a double storey terrace house end unit bearing a postal address **No. 23, Jalan Sesenduk 3, Di Jalan Teratai, Taman Meru Utama 5, 40150 Klang, Selangor Darul Ehsan.** It is approximately 8.9 kilometres from Klang Town.

RESERVE PRICE :-

The property will be sold on an "as is where is basis" subject to a reserve price of **RM240,000.00 (Ringgit Malaysia Two Hundred Forty Thousand Only)**. The subject property will be sold subject to the condition of sales which can be obtain from the Auctioneer. All intending bidders must deposit with and in favour of **PUBLIC BANK BERHAD** a sum equivalent to 10% of amount reserved price **before 9.30 am** by way of Bank Draft and the balance to be settle within **(120) one hundred twenty days** from the date of sale.

For further particulars, please apply to **Pentadbir Tanah Klang** or **Messrs Abraham Ooi & Partners** at No. 106, 8th Floor, Wisma Harwant, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. Tel No. : 03-2691 0725 (Ref : AW/L/21006/16/PBB/KCCC/JTH) or to the undermentioned Auctioneer

MAB Services

No. 22, Jalan Pandan Indah 3/7,
Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
Tel No. : 019-2112340, 03-2698 0288
Fax No. : 03-4296 9611

MOHD AZDY BIN BABA
Licensed Auctioneer

在市土地局宣告出售

PDTK / T / PD / 600-4 / 6/1 / 2019-74

在之间

公众银行有限公司 (公司编号 : 6463-H)病人聚会
与

1. ARULMOLI A / P.S. ARUMUGAM (编号K / P : 760519-10-5696)

2. 修订的A / L阿鲁木姆 (货号K / P : 820923-10-5841)特殊

将会进行公开拍卖

2020年6月17日, 六月, 星期五, 上午10点

在2楼观众席大楼区/土地办公室

城市路, 41902 KLANG, 雪兰莪达鲁·埃桑

注意: 建议潜在买家在拍卖前对土地局和其他当局进行所有权和官方搜索, 并检查财产。

物业描述: -否。判决: GM 15241 NO. 很多: LOT 45017土地/河流/州: 卡帕尔/巴生/雪兰莪处理: 外国土地: 110.0平方米租赁所有者: 1.阿鲁莫利A / P.S. Arumugam 2.纳瓦拉桑A / L Arumugam

位置和信息属性: -该物业是两层排屋, 地址为: Taman Meru Utama 5, Lotus Road 3 Block 23, Selangor Darul Ehsan., 40150 Klang ..

底价: -RM240,000.00 (马来西亚林吉特, 二十四万)。所有竞标者都必须在拍卖开始前9.30am之前以草案银行的形式将底价的10%存入公共银行 BERHAD, 并以该价格存入底价。剩余的购买价必须在出售之日起一百二十 (120) 天内支付。欲了解更多信息, 请联系巴生土地管理员或Abraham Ooi & Partners先生, 电话: 03-2691 0725或MAB Services的MOHD AZDY BIN BABA, 电话: 019-2112340.

நகர நில அலுவலகத்தில் விற்பனைக்கான பிரகடனம்

PDTK / T / PD / 600-4 / 6/1 / 2019-74

இடையே

பொது வங்கி பெர்ஹாட் (நிறுவனத்தின் எண்: 6463-எச்) நோயாளி கட்சி
மற்றும்

1. அருல்மோலி ஏ / பி எஸ்.அருகுகம் (எண். கே / பி: 760519-10-5696)

2. திருத்தப்பட்ட A / L ARUMUGAM (NO. K / P: 820923-10-5841) குறிப்பிட்ட

ஒரு பொது ஏலத்திற்கு விற்கப்படும்

ஜூன் 17, 2020 ஜூன் நாள் வெள்ளிக்கிழமை, காலை 10 மணி

ஆடிட்டோரியம் பில்டிங், நிலை 2, மாவட்ட / நில நிலத்தின் அலுவலகம்

சிட்டி சாலை, 41902 கிளாங், சிலாங்கூர் தூருல் ஏஹ்சன்

குறிப்பு: சாத்தியமான வாங்குபவர்கள் நில அலுவலகம் மற்றும் பிற அதிகாரிகளிடம் முறையான தலைப்பு மற்றும் உத்தியோகபூர்வ தேடலை நடத்தவும், ஏல விற்பனைக்கு முன்னர் சொத்துக்களை ஆய்வு செய்யவும் அறிவுறுத்தப்படுகிறார்கள்.

சொத்து விவரம்: - இல்லை. தீர்ப்பு: GM 15241 இல்லை. லாட்: லாட் 45017 லேண்ட் / ரிவர் / ஸ்டேட்: கபார் / கிளாங் / சிலாங்கூர் ஹேண்ட்லிங்: வெளிநாட்டு நிலம்: 110.0 சதுர மீட்டர் வாடகை உரிமையாளர்கள்: 1. அருல்மோலி ஏ / பி எஸ்.அருமுகம் 2. நவலசன் ஏ / எல் ஆறுமுகம்

இருப்பிடம் மற்றும் தகவல் சொத்து: - சொத்து என்பது இரண்டு மாடி மொட்டை மாடி வீடு, முகவரி எண். 23, பிளாக் 3, தாமரை சாலையில், தமன் மேரு உட்டாமா 5, 40150 கிளாங், சிலாங்கூர் தூருல் ஏஹ்சன் ..

ரிசர்வ் விலை: - RM240,000.00 (மலேசிய ரிங்கிட் இருநூற்று நாற்பதாயிரம் மட்டும்). அனைத்து ஏலதாரர்களும் பொது வங்கி பெர்ஹாட் சார்பாக 10% இருப்பு விலையை வரைவு வங்கியின் வடிவத்தில் வரைவு வங்கி வடிவில் காலை 9.30 மணிக்கு முன் ஏலம் தொடங்க வேண்டும், மீதமுள்ள கொள்முதல் விலையை விற்பனை செய்த நாளிலிருந்து (120) நூறு இருபது நாட்களுக்குள் செலுத்த வேண்டும். மேலதிக தகவல்களுக்கு கிளாங் நில நிர்வாகி அல்லது மெஸ்ஸர்களை தொடர்பு கொள்ளவும். ஆபிரகாம் ஓய் & பார்ட்னர்கள், தொலைபேசி எண்: 03-2691 0725 அல்லது MAB சேவைகளிலிருந்து MOHD AZDY BIN BABA, தொலைபேசி: 019-2112340.

SYARAT-SYARAT JUALAN

1. i) Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Peggadai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253(3) KTN.
ii) Seseorang yang bukan warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada Jualan ke atas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. (Seksyen 433B(4) KTN).
iii) Seseorang yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang muflis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Bank Draf atas nama **PUBLIC BANK BERHAD** sebelum **Jam 9.30 pagi** pada hari lelongan kepada **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** (Seksyen 263(2)(a) KTN).
3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat perlantikan kepada **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** semasa mendaftar.
4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seseorang pembeli lain, dia hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri dengan syarat bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang Melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil.
5. Syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49, Resolusi Lembaga Pengarah jadual ketiga dalam Enakmen Tanah Simpanan Melayu (NMB Bab 142).
6. Orang Perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan 'My Kad' asai dan salinan, (serta salinan Surat Beranak sekiranya hartanah yang dilelong adalah Tanah Simpanan Melayu).
7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d) KTN).
8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.
9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** pada bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula (Seksyen 265(4) KTN).
10. **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3) KTN).
11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1)(a) KTN).
12. Selepas penukul dijatuhkan, wang deposit sebanyak 10% daripada harga rizab seperti para 2 diatas akan dimasukkan ke dalam akaun peggadai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam dibawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucuthak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran kepada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
13. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada "**SATU RATUS DUA PULUH (120) hari**" daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan. (Seksyen 263(g) KTN).
14. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan dibawah Perintah untuk Jualan dibawah Seksyen 257 atau Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucuthak dan hendaklah terpakai mengikut seksyen 267A KTN oleh Pemegang Gadaian seperti berikut:
 - i. Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) dibawah subseksyen (1) Seksyen 268; dan
 - ii. Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada, yang dipegang milik dibawah akaun peggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan dibawah perenggan (c), (d) dan (e) subseksyen (1) Seksyen 268.

15. Hak Penggadai : Penggadai berhak membuat bayaran-bayaran yang dituntut sebelum lelongan awam disempurnakan (sebelum jatuh ketukan ketiga) dan lelongan awam yang telah ditetapkan itu terbatal dengan sendirinya. (Seksyen 266 (1) KTN).
16. Pemegang Gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** dan Penggadai bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q. (Seksyen 266A KTN).
17. Pemegang Gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian dari jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima.
18. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan satu penyata akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** tidak lewat daripada **Tiga Puluh (30)** hari setelah penerimaan keseluruhan wang pembelian. (Seksyen 268A(1) KTN).
19. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud diatas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mengtakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
20. Keseluruhan wang belian yang diperolehi dalam lelongan awam tersebut hendaklah diperuntukkan seperti Seksyen 268 KTN mengikut keutamaan dan susunannya seperti berikut :
 - i. Untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemegang gadaian dan setakat mana, tiada orang lain selain dari penggadai adalah bertanggungjawab terhadapnya, segala perbelanjaan lain yang perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ii. Untuk membayar perbelanjaan (seperti yang disahkan oleh pendaftar Mahkamah atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan) yang dialami berkaitan dengan pembuatan dan pelaksanaan, perintah jualan dan bil tuntutan perkhidmatan pelelong sehingga tarikh lelongan dan tunggakan akaun penyenggaraan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) sekiranya hartanah ini adalah hakmilik strata.
 - iii. Untuk membayar kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang dibawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan,
 - iv. Dalam satu kes satu gadaian untuk menjamin pembayaran satu anuti atau sejumlah wang yang berkala yang lain, selaras dengan mana-mana peruntukan untuk memenuhi pembayaran yang genap masa terkemudian yang termasuk didalamnya mengikut perenggan (b) subseksyen (2) Seksyen 242; dan
 - v. Baki, jika terdapat lebihan hasil dari wang belian hendaklah tertakluk kepada subseksyen (3) Seksyen 339, dibayar kepada penggadai.
21. **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kerugian yang ditanggung oleh penawar sekiranya lelongan ditanggung atau dibatalkan. Seksyen 22 KTN.
22. **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana. Seksyen 22 KTN.
23. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen itu masing-masing.
24. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.
25. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 16O KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam beserta dengan bayaran **RM3000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu sahaja)**. Sekiranya **Pentadbir Daerah & Tanah Klang** menerima bukti pembayaran Keseluruhan Pinjaman / gadaian tersebut maka perintah lelongan telah terbatal di bawah **Seksyen 266 Kanun Tanah Negara** tanpa perlu untuk memfailkan Borang 16O (Permohonan untuk Penangguhan @ Pembatalan Perintah Jualan) dan yuran pembatalan sebanyak **RM3000.00**. Borang 16O KTN yang diserahkan kurang dari **Tujuh (7)** hari sebelum tarikh lelongan akan ditolak dan segala kos perbelanjaan hendaklah dibayar dengan sepenuhnya oleh Pihak Penggadai sekiranya kerja—kerja lelongan telah dijalankan dengan sempurna dan tiada sebarang pengecualian.
26. Di mana perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 16I) telah diberikan kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau pajakan, mana-mana kehendak untuk memperolehi kebenaran **Pihak Berkuasa Negeri** berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak digunapakai. (Seksyen 301 KTN).
27. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas- Bab 3 - Remedi Pemegang Gadaian : Jualan. Peruntukan-peruntukan dalam **Kanun Tanah Negara 1965** hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.

KONTRAK

MEMORANDUM : Dalam jualan secara Lelongan Awam pada **17hb Januari 2020 (JUMAAT)** mengenai hartanah **GM 15241, LOT 45017, Mukim Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor Darul Ehsan** yang beralamat di **No. 23, Jalan Sesenduk 3, Di Jalan Teratai, Taman Meru Utama 5, 40150 Klang, Selangor Darul Ehsan.**

Maka dengan ini diisytiharkan bahawa :

Nama :

No. K/P :

Alamat :

No. Tel :

adalah penawar tertinggi dan diisytiharkan sebagai pembeli hartanah tersebut dengan sejumlah **RM** dan telah membayar kepada Pemegang Gadaian, **PUBLIC BANK BERHAD** sebanyak **RM** sebagai deposit dan bersetuju membayar baki harga pembelian dalam tempoh **satu ratus dua puluh (120) hari** dan menyempurnakan pembelian tersebut mengikut syarat-syarat jualan dan **TETUAN ABRAHAM OOI & PARTNERS**, peguamcara bagi pihak Pemegang Gadaian mengaku menerima wang deposit tersebut.

HARGA BELIAN : RM.....

DEPOSIT : RM.....

BAKI : RM.....

**PENTADBIR TANAH
DAERAH KLANG
Pejabat Daerah Tanah Klang**

**TETUAN ABRAHAM OOI & PARTNERS
Peguam Cara Bagi Pihak Pemegang Gadaian
NAMA :
NO. K/P :**

**(PEMBELI / EJEN BERKUASA)
NAMA :
NO. K/P :
NO. TEL :**

**MOHD AZDY BIN BABA
MAB SERVICES
(Pelelong Berlesen)**